

Arca 2.4 meter mercu tanda baharu Putrajaya

BH - 1/1/2019 m/s: 3

Putrajaya: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam, merasmikan arca PUTRAJAYA di Dataran Putra, Presint 1 di sini, yang menjadi mercu tanda baharu dan tarikan kepada pengunjung ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini.

Struktur arca dengan lebar 1.5 meter dan tinggi 2.4 meter, manakala panjang keseluruhan huruf 22 meter itu dibina menggunakan keluli tahan karat supaya tahan lasak.

Ia direka bentuk dengan imej abstrak berwarna-warni harmoni bagi mengekspresikan kegembiraan, antara keunikannya adalah pa-

paran imej grafik yang boleh ditukar ganti.

Ciri unik arca

Bahagian belakang huruf pula berimej kibar Jalur Gemilang, yang menggambarkan semangat cinta dan sayang kepada negara.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr Aminuddin Hassim, berkata reka bentuk arca itu diinspirasikan oleh kumpulan pegawai muda PPj, bagi mewujudkan mercu tanda Putrajaya seperti arca tulisan di luar negara.

"Perdana Menteri mengucapkan tahniah terhadap projek ini dan lokasi Dataran Putra dipilih kerana



Dr Mahathir berdiri di hadapan arca PUTRAJAYA selepas merasmikannya di Dataran Putra, Putrajaya, semalam.

signifikannya Putrajaya dibangunkan bermula di sini.

"Justeru, projek ini dianggap berjaya dan yang penting kita dapat menyiapkannya. Dua tiga kali Tun Mahathir mengucapkan tahniah dan saya rasa Perdana Menteri gembira.

"Ini satu daripada program yang kita laksanakan dan ada banyak lagi yang perlu kita jalankan," katanya ketika ditemui selepas pelancaran berkenaan, semalam.

Ketika pelancaran itu, Dr Mahathir turut bergambar di hadapan arca berkenaan dengan ber-

latar belakang Bangunan Perdana Putra, yang menempatkan Pejabat Perdana Menteri.

Aminuddin berkata, paparan imej grafik pada arca itu akan ditukar mengikut musim dan sambutan tertentu, termasuk bulan kemerdekaan dan hari perayaan.